



TEKS UCAPAN ALUAN
oleh
YBHG. DATO' TPr. MOHD. ANUAR BIN MAIDIN
KETUA PENGARAH
PLANMalaysia

bagi

**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR
SEDUNIA TAHUN 2019 PERINGKAT NEGERI
MELAKA**
&
**KEMPEN PEMBANGUNAN MAMPAN (SGDs)
BERSAMA *UNITED NATIONS DEVELOPMENT
PROGRAMME (UNDP)***

PADA

2 NOVEMBER 2019
BERSAMAAN 5 RABIULAWAL 1441H

BERTEMPAT
PERKARANGAN
SUNGAI MELAKA FASA 2
(BELAKANG PASARAYA MYDIN)

PLANMalaysia @ Melaka
Perancangan Melangkaui Kelaziman | *Planning : Beyond Conventional*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikumwarahmatullahi

Wabarakatuh.

“SALAM SEJAHTERA”

“SALAM MALAYSIA BAHARU”

YB DATUK TEY KOK KIEW

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

YB DATUK SERI HASIM BIN HASAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka,

YBHG TPr. MD. NAZRI BIN ABDULLAH

Pengarah

PLANMalaysia@Melaka

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Melaka

Selaku Penganjur

Sambutan Hari Perancangan Bandar
Sedunia 2019 Peringkat Negeri Melaka

**YBHG DATUK HAJI MANSOR BIN
SUDIN**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Selaku Penganjur

Kempen Menangani Perubahan Iklim
2019 Bersama Kesatuan Eropah (EU)

**YBHG TUAN AZNI RAHMAN BIN A.
WAHID**

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri

Barisan EXCO Kerajaan Negeri,

Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis

Perbandaran,

Barisan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya

Melaka Bersejarah,

Wakil-wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), serta

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

***YANG BERTHORMAT,
DATUK SERI, DATUK-DATUK, TUAN-
TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.***

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya, kita telah diberi ruang dan kesempatan bersama-sama pada pagi ini bagi menyambut **Hari Perancangan**

Bandar Sedunia (HPBS) bagi tahun 2019 Peringkat Negeri Melaka dan Kempen Pembangunan Mampan (SDGs) bersama *United Nations Development Programme (UNDP)*.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada **YB DATUK TEY KOK KIEW, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau**, sebagai wakil YAB Ketua Menteri Melaka untuk hadir merasmikan majlis pada pagi ini. Kehadiran YB Datuk EXCO amatlah

dihargai sekaligus menggambarkan komitmen dan sokongan yang tinggi Kerajaan Negeri Melaka dalam aspek perancangan bandar dan desa serta kelestarian alam semulajadi.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada **Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Datuk Haji Mansor bin Sudin**, telah menyediakan tempat yang sangat menarik dengan pandangan Sungai Melaka dan juga semua kelengkapan untuk majlis kita pada hari ini.

4. Tidak lupa juga kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Melaka** yang telah menyumbangkan sejumlah 100 batang pokok untuk kita tanam pada hari ini.

***YANG BERHORMAT,
DATUK SERI, DATUK-DATUK, TUAN-
TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.***

**LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI
PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA
(HPBS) 2019**

2. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali sebagai HPBS ialah hari istimewa untuk juru rancang

bandar (town planner) bagi memperingati peranan dan sumbangan mereka dalam melaksanakan pembangunan mampan. Ianya bermula dari cetusan idea *Prof Carlos Maria Della Paolera*, seorang cendekiawan perancangan bandar terkenal dari Argentina pada tahun 1949 yang menetapkan 8 November setiap tahun sebagai Hari Perancangan Bandar Sedunia. Namun, bagi PLANMalaysia sepanjang bulan November dianggap sebagai Bulan Perancangan Bandar Sedunia. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau kini dikenali

sebagai PLANMalaysia
menjadikannya acara tahunan
semenjak tahun 1988.

JUSTIFIKASI SAMBUTAN HPBS 2019

5. Tema sambutan HPBS pada tahun ini adalah ***“Green And Community: Together Is Better”*** iaitu pendekatan ke arah merancang dan melaksanakan pembangunan yang mampan serta mendidik masyarakat akan kepentingan memelihara alam sekitar ke arah persekitaran yang kondusif dan lestari.

6. *Green* atau Hijau yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan **Teras 2** dalam **Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN-3)**, iaitu **Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim** dimana sasaran Malaysia untuk mencapai Negara Rendah Karbon dengan pengurangan sebanyak 50 peratus pelepasan gas karbon dioksida pada tahun 2040. Ini juga selaras dengan SDGs dan NUA yang mana kedua polisi ini telah di terima pakai oleh Kerajaan Malaysia.
7. *Community* pula menggambarkan masyarakat yang perlu bersama-sama

dengan pihak Kerajaan dalam usaha-usaha menggiat dan melaksanakan inisiatif-inisiatif kerajaan ke arah pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.

***YANG BERTHORMAT,
DATUK SERI, DATUK-DATUK,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
YANG DIHORMATI SEKALIAN.***

SAMBUTAN HPBS 2019

8. Majlis Sambutan HPBS 2019 Peringkat Kebangsaan kali ini akan diadakan di **Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor pada 10 November 2019**

(Ahad). Untuk makluman, PLANMalaysia telah juga melaksanakan sambutan HPBS di setiap negeri bermula di Negeri Perlis pada 24 September 2019 (Selasa) dan akan berakhir di Negeri Kelantan pada 14 November 2019 (Khamis). Pada hari ini, sambutan HPBS diadakan serentak di tiga (3) buah negeri iaitu Negeri Terengganu, Melaka dan Negeri Sembilan.

9. Selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, PLANMalaysia telah mensasarkan penanaman sebanyak **3,000 batang pokok** dengan

penglibatan 10,000 orang di seluruh Negeri. Difahaman sempena Sambutan HPBS Peringkat Negeri Melaka pada tahun ini, Negeri Melaka telah memberikan komitmen untuk menanam sebanyak **800 batang pokok**, dengan penglibatan komuniti di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka.

10. Selain daripada itu juga, terdapat pengisian dan aktiviti kepada para pengunjung khususnya warga Melaka, antaranya ialah:

- i. Bicara SDGs;
- ii. Pertandingan Mewarna Kanak-kanak,
- iii. Pameran PLANMalaysia;
- iv. Program Komuniti Hijau Bio-Diesel;
- v. Pameran Kitar Semula; dan
- vi. Program Pengurusan Sisa Makanan dan Penyediaan Effective Microorganism (EM);

11. Selaras dengan HPBS, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui PLANMalaysia juga telah mengadakan program Anugerah Kejiranan Hijau dan Penghargaan Bandar Mampan bagi memberi

galakan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat melalui program-program penghijauan dan penglibatan penduduk setempat. Pemenang-pemenang akan diisytiharkan dalam Majlis HPBS Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 10 November nanti.

***YANG BERHORMAT,
DATUK SERI, DATUK-DATUK,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
YANG DIHORMATI SEKALIAN.***

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB2030). WKB2030

12. Pada 5 Oktober yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)**. **WKB2030** ialah dokumen yang menggariskan matlamat sepuluh tahun untuk menjadikan **Malaysia** sebagai **sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.**

13. Turut disentuh dalam WKB 2030 adalah Aktiviti Ekonomi Hijau, yang merangkumi aktiviti seperti pengangkutan lestari, jaminan bekalan makanan, bandar pintar dan lestari, dan teknologi adaptasi iklim. Ekonomi hijau juga merujuk kepada pembentukan sebuah ekonomi kitaran yang mampu beroperasi tanpa sisa buangan iaitu *zero waste*.
14. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan anggota masyarakat untuk menggembeleng tenaga bagi menjayakannya. Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

pula, dokumen ini nanti akan menjadi wadah baharu dalam merealisasikan komuniti rendah karbon yang dicita di kawasan pentadbiran masing-masing dengan lebih efisien.

***YANG BERTHORMAT,
DATUK SERI, DATUK-DATUK,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
YANG DIHORMATI SEKALIAN.***

PENUTUP

15. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih tidak terhingga khususnya kepada

Kerajaan Negeri Melaka di atas komitmen dan sokongan padu yang telah diberikan. Seterusnya kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan **Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) bagi tahun 2019 Peringkat Negeri Melaka dan Kempen Pembangunan Mampan (SDGs) bersama United Nations Development Programme (UNDP).**

16. Semoga setiap usaha dan tenaga yang telah dicurahkan, akan mendapat keberkatan daripada Yang Esa jua. Berbekalkan doa dan harapan, agar kesinambungan

persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan dapat terus dikecapi oleh seluruh pewaris bangsa di masa hadapan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Dan Terima Kasih.